

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 11 JULAI 2023
AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 23

Tiga cara rakyat bantu pulihkan nilai ringgit

Tiga cara rakyat bantu pulihkan nilai ringgit

Penganalisis syor untuk kesan jangka panjang eksport Malaysia perlu berubah

Oleh Mahanum Abdul Aziz
mahanum_aziz@bh.com.my

Pembelian barangan buatan tempatan, melancong dalam negara, pengeksporthan menukar hasil mereka dalam mata wang asing kepada ringgit adalah antara langkah yang dilihat mampu menyokong sementara permintaan terhadap ringgit, demikian menurut penganalisis.

Penganalisis ekonomi Universiti Kuala Lumpur (UniKL) Business School, Prof Madya Dr Aimi

Zulhazmi Abdul Rashid, berkata pembelian barangan tempatan, terutama yang menggunakan barangan mentah dan separuh siap daripada bekalan tempatan akan menyokong permintaan ringgit.

Beliau berkata, selain kempen membeli barangan tempatan, kemasukan pelancong asing ke Malaysia juga akan menyokong permintaan terhadap mata wang tempatan itu.

Katanya, aktiviti sedemikian akan merangsang aktiviti ekonomi, sekali gus meningkatkan sumbangan sektor pelancongan kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK).

"Langkah seterusnya, memastikan syarikat Malaysia yang mengeksporthan menukar perolehan mereka daripada mata wang asing kepada ringgit sekurang-kurangnya 70 peratus hingga 80 peratus pegangan semasa.

"Instrumen kewangan oleh bank seperti 'Letter of Credit', 'Bankers Acceptance' untuk uru-

san import dan eksport, iaitu kewangan perdagangan dikelolakan dalam mata wang tempatan," katanya kepada BH.

Aimi Zulhazmi berkata, langkah lain bagi menyokong permintaan terhadap ringgit ialah menggalakkan syarikat yang berurusan import dan eksport membuat 'hedging' atau langkah melindungi nilai bagi menstabilkan penukaran mata wang asing ke ringgit.

Sementara itu, Profesor Adjung Tun Ahmad Sarji School of Government and Public Services (TASSGPS) Universiti Tun Abdul Razak (UNIRAZAK), Dr Zulkiply Omar, berkata kelemahan ringgit yang berpanjangan dipengaruhi oleh struktur ekonomi.

Beliau berkata, usaha untuk meningkatkan permintaan ringgit seperti membeli barangan tempatan dan melancong dalam negara cuma mempengaruhi permintaan jangka pendek dan tidak mampu untuk bertahan bagi tempoh jangka panjang.

Justeru, katanya, bagi kesan jangka panjang, struktur pengeluaran harus diubah, iaitu eksport Malaysia perlu berubah kepada barangan mempunyai nilai tambah yang tinggi.

Perlu dasar tingkat produktiviti

Ketua Ekonomi dan Analisis Pasaran dan Kewangan Sosial Bank Muamalat Malaysia Bhd, Dr Mohd Afzanizam Abdul Rashid, pula berkata pergerakan nilai mata wang adalah serampang dua mata.

Beliau berkata, penurunan nilai mata wang baik kepada pengeksporthan berikutan peningkatan daya tarikan barangan suluan harga dilihat murah dari sudut pandang pengimport.

Malah, katanya, pelancong asing juga akan suka dengan keadaan itu memandangkan ia akan meningkatkan kuasa beli mereka.

Namun, jelasnya, bagi pengimport barangan dan perkhidmatan pula, ia akan meningkat-

kan kos barangan dan operasi mereka.

"Begitu juga pelancong tempatan yang mahu keluar negara perlu menyediakan bajet yang lebih. Jadi perlu ada keseimbangan dalam menangani isu ini," katanya.

Mohd Afzanizam berkata, Bank Negara Malaysia (BNM) akan campur tangan bagi mengurangkan turun naik ringgit, selebihnya ekonomi negara perlu mempamerkan daya saing yang tinggi supaya menaikkan daya tarikan kepada pelabur menerusi pelaksanaan dasar yang boleh meningkatkan produktiviti negara.

Pada masa ini, ringgit berprestasi lemah berbanding dolar Amerika Syarikat (AS) dengan serendah pada paras lebih RM4.60 sedolar.

Kelemahan ringgit itu berikutan sentimen pasaran penghindaran risiko yang berterusan, selain prospek ekonomi China yang lemah.

“Langkah seterusnya, memastikan syarikat Malaysia yang mengeksporthan menukar perolehan mereka daripada mata wang asing kepada ringgit sekurang-kurangnya 70 peratus hingga 80 peratus pegangan semasa”

Aimi Zulhazmi Abdul Rashid,
Penganalisis ekonomi UniKL Business School

“Usaha untuk tingkatkan permintaan ringgit seperti membeli barangan tempatan dan melancong dalam negara cuma mempengaruhi permintaan jangka pendek dan tidak mampu untuk bertahan bagi tempoh jangka panjang”

Zulkiply Omar,
Profesor Adjung Tun Ahmad Sarji TASSGPS UNIRAZAK